

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[SELAYANG]**

**TARIKH : 13 OGOS 2020**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status rundingan mengenai Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan kesan India menarik diri dari RCEP.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perjanjian perdagangan bebas antara ASEAN dan 6 rakan-rakan dialognya yang dikenali sebagai Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau atau dengan izin, *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) telah dilancarkan pada bulan November 2012 sewaktu Sidang Kemuncak ASEAN Ke-21 di Kemboja. Rundingan telah bermula secara rasmi pada tahun 2013.
2. Sebanyak 28 pusingan rundingan telah diadakan sejak bulan Mei 2013 sehingga bulan September 2019. Selepas pusingan ke-28 dan pada Sidang Kemuncak RCEP ke-3 pada bulan November 2019, semua 20 Bab yang terkandung dalam Perjanjian ini telah berjaya dimuktamadkan kecuali beberapa perkara teknikal berkaitan dengan rundingan akses pasaran serta perkara-perkara yang melibatkan negara India.

## NO SOALAN : 16

3. Pada tahun ini, sebanyak 5 mesyuarat maya (*Virtual Meeting*) di peringkat Ketua Perunding atau dengan izin, *Trade Negotiation Committee (TNC)*, telah diadakan iaitu pusingan Ke-29 dari 20 hingga 24 April 2020, pusingan Ke-30 dari 13 hingga 20 Mei, Mesyuarat Khas TNC pada 10 dan 11 Jun, pusingan Ke-31 pada 9 Julai serta Mesyuarat Intersesi TNC Ke-8 pada 7 Ogos 2020. Selain itu, 1 mesyuarat intersesi Ke-10 peringkat Menteri telah dijalankan secara maya pada 23 Jun 2020. Mesyuarat-mesyuarat tersebut diadakan bertujuan untuk memuktamadkan beberapa isu tertunggak yang telah disebutkan sebelum ini.
4. Menurut data Bank Dunia pada tahun 2018, RCEP dengan penglibatan India akan membolehkan Malaysia mengakses 47.5 peratus saiz pasaran atau hampir separuh jumlah penduduk dunia iaitu 3.6 bilion orang. Nilai KDNK gabungan pula ialah AS\$27.5 trilion atau 32 peratus nilai KDNK dunia. Nilai dagangan barang atau *merchandise trade*, dengan izin, dicatatkan sebanyak AS\$11.5 trilion atau 29.13% daripada jumlah dagangan barang dunia. Negara-negara tersebut merupakan pelabur terbesar rantau ASEAN dengan aliran Pelaburan Langsung Asing (FDI) sebanyak AS\$39 bilion atau 25.7 peratus daripada jumlah FDI iaitu AS\$152.6 bilion.
5. Sekiranya India menarik diri daripada RCEP, ia akan mengurangkan impak RCEP dari segi saiz pasaran. Walau bagaimanapun, bagi Malaysia, kita masih boleh meningkatkan akses pasaran ke negara India menerusi kajian semula *Malaysia-India Comprehensive Economic Cooperation Agreement (MICECA)* dan ASEAN-India FTA.

Sekian, terima kasih.